

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Wednesday, December 23, 2015 1:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ZAKAT PUSAT ISLAM



11 Rabiul Awwal 1437H / 23 Disember 2015

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



PUSAT ISLAM – 22 Disember 2015, Seramai 38 dari 43 pemohon yang layak menerima bantuan hadir di Majlis Penyampaian Bantuan Zakat 2015 di Dewan Seminar Pusat Islam.

Majlis yang diadakan ini dirasmikan oleh Prof Madya Dr. Hj. Ismail Bin Hj. Ishak, Pengarah Pusat Islam UUM dan seterusnya menyampaikan bantuan bernilai RM 300 seorang

kepada asnaf yang layak menerima bantuan zakat. Menurut beliau, Pusat Islam sentiasa peka dan prihatin kepada mereka yang berpendapatan rendah dan ingin membantu setakat

yang termampu. Beliau juga berterima kasih kepada Naib Canselor yang telah meluluskan bantuan ini melalui Bendahari UUM.

Dalam majlis ini juga, Unit Kebajikan mengumumkan bahawa program sumbangan barangan baru dan terpakai sedang giat diusahakan dan mendapat maklumbalas positif dari warga UUM

yang prihatin dan bersimpati dengan kedudukan kewangan masakini sesetengah golongan.

Selepas majlis ini berakhir, semua penerima bantuan dijemput mengambil beberapa barangan sumbangan yang diusahakan oleh Ustazah Siti Khairiah dan kakitangan Pusat Islam yang lain.

Encik Kasa Bin Ahmad dan Puan Baayah Binti Jusoh adalah diantara penerima yang dapat ditemubual, melahirkan rasa syukur dan berharap ianya dapat diteruskan lagi di tahun hadapan dengan

Jumlah yang bersesuaian.

Habis.

Daripada :

UNIT KEBAJIKAN

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID

PUSAT ISLAM UUM

KOMPLEKS PUSAT ISLAM,

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,

06010 UUM SINTOK, KEDAH

Tel : 04-928 2564

Faks : 04-928 2561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM